



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PENERAPAN NILAI MURNI DALAM PENGAJARAN DAN  
HUBUNGANNYA DENGAN PENGHAYATAN NILAI MURNI  
DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH**

**MOHAMAD KHAIRI BIN HAJI OTHMAN**

**FPP 2013 2**



**PENERAPAN NILAI MURNI DALAM PENGAJARAN DAN  
HUBUNGANNYA DENGAN PENGHAYATAN NILAI MURNI  
DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH**

Oleh

**MOHAMAD KHAIRI BIN HAJI OTHMAN**

**Tesis Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Februari 2013**

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai  
memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**PENERAPAN NILAI MURNI DALAM PENGAJARAN DAN  
HUBUNGANNYA DENGAN PENGHAYATAN NILAI MURNI  
DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH**

Oleh

**MOHAMAD KHAIRI BIN HAJI OTHMAN**

**Februari 2013**

**Pengerusi : Profesor Madya Asmawati Suhid, PhD.**

**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Kajian ini bertujuan mengenal pasti penerapan nilai murni dalam pengajaran guru Bahasa Melayu, Sejarah, Bahasa Inggeris dan Matematik serta perkaitan dan pengaruhnya terhadap penghayatan nilai murni pelajar. Aspek penerapan nilai murni dalam pengajaran guru yang dikaji ialah tahap kekerapan penerapan 17 nilai murni, kaedah penerapan nilai murni dan teknik penerapan nilai murni.

Reka bentuk kajian ini ialah secara tinjauan deskriptif-korelasi dan disokong dengan temu bual separa berstruktur. Bagi tinjauan deskriptif-korelasi, kajian ini melibatkan responden yang terdiri daripada 448 orang pelajar tingkatan empat sekolah menengah kebangsaan harian di Semenanjung Malaysia yang menjawab soal selidik. Bagi temu bual separa berstruktur, kajian ini melibatkan responden yang terdiri seramai 12 orang pelajar tingkatan empat yang dipilih secara teknik persampelan rawak dalam kalangan responden yang menjawab soal selidik. Temu bual separa berstruktur ini adalah untuk menyokong dan menghuraikan lebih lanjut akan dapatan kajian objektif keempat iaitu berkaitan aspek penghayatan nilai murni pelajar.

Dapatkan kajian analisis deskriptif memperlihatkan persepsi pelajar terhadap tahap kekerapan penerapan 17 nilai murni secara keseluruhan dalam pengajaran guru Bahasa Melayu, Sejarah, Bahasa Inggeris dan Matematik adalah tinggi. Persepsi pelajar terhadap kekerapan penerapan 17 nilai murni dalam pengajaran guru Bahasa Melayu adalah lebih tinggi berbanding dalam mata pelajaran Sejarah, Bahasa Inggeris dan Matematik. Seterusnya, persepsi pelajar terhadap kaedah penerapan nilai murni secara keseluruhannya dalam pengajaran guru Bahasa Melayu dan Sejarah menunjukkan amalan pada tahap tinggi, manakala dalam pengajaran guru Bahasa Inggeris dan Matematik menunjukkan amalan pada tahap sederhana tinggi. Persepsi pelajar terhadap teknik penerapan nilai murni dalam pengajaran guru Bahasa Melayu, Sejarah, Bahasa Inggeris dan Matematik pula secara keseluruhan adalah sederhana tinggi. Manakala, aspek penghayatan nilai murni pelajar secara keseluruhannya dipaparkan pada tahap sederhana tinggi.

Dapatkan analisis Korelasi Pearson pula menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap kekerapan penerapan 17 nilai murni dalam pengajaran guru Bahasa Melayu, Sejarah, Bahasa Inggeris dan Matematik dengan penghayatan nilai murni pelajar. Terdapat juga hubungan positif yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap kaedah penerapan nilai murni bagi dimensi kaedah tidak langsung dalam pengajaran guru Bahasa Melayu, Sejarah, Bahasa Inggeris dan Matematik dengan penghayatan nilai murni. Hanya dimensi kaedah langsung dalam pengajaran guru Bahasa Melayu dan Sejarah sahaja yang mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan penghayatan nilai murni pelajar. Seterusnya, dapatkan memaparkan bahawa persepsi pelajar terhadap teknik penerapan nilai murni bagi dimensi teknik model/contoh dalam pengajaran guru Bahasa Melayu, Sejarah dan

Bahasa Inggeris sahaja yang mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan penghayatan nilai murni pelajar.

Analisis Regresi Berganda mendapati hanya persepsi pelajar terhadap kekerapan penerapan 17 nilai murni dalam pengajaran guru Sejarah dan Bahasa Melayu sahaja merupakan peramal terhadap penghayatan nilai murni pelajar.

Kesimpulannya, dapatan kajian ini dapat memberi panduan kepada guru tentang kepentingan amalan penerapan nilai murni dalam pengajaran bagi memastikan penghayatan nilai murni pelajar meningkat. Kajian ini juga memperlihatkan betapa pentingnya elemen-elemen dalam kaedah dan teknik penerapan nilai murni yang boleh meningkatkan penghayatan nilai murni pelajar.

Abstract of the thesis submitted to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirements for the degree of Doctor of Philosophy

**THE INCLINATION OF NOBLE VALUES IN TEACHING AND ITS  
RELATIONSHIP WITH SECONDARY SCHOOL STUDENTS'  
INTERNALIZATION OF NOBLE VALUES**

By

**MOHAMAD KHAIRI BIN HAJI OTHMAN**

**February 2013**

**Chairperson :** Associate Profesor Asmawati Suhid, PhD.

**Faculty :** Educational Studies

The present research aims to identify the inculcation of noble values in the teachings of Malay Language, History, English and Mathematics teachers and its relationships and influences towards the students' internalization of noble values. The aspects of the inculcation of noble values in teachers' teaching are the students' perceptions of the frequency of the inculcation of the 17 noble values, the methodology, and the techniques of inculcation of noble values.

A descriptive-correlation survey together with semi-structured interviews formed the research design of this study. A total number of 448 Form four students from daily secondary national schools in Peninsular Malaysia participated in the survey with questionnaires used as instruments in data collection. A sample of 12 Form four students, randomly selected from respondents who took part in the survey, were interviewed. The semi-structured interview supported and allowed further exploration of the forth research objective which was related to students' internalization of noble values.

The descriptive analysis findings revealed that students' perception of the frequency of the inculcation of the 17 noble values in general in teachers' teaching of Malay Language, History, English and Mathematics was high. Students' perception of the frequency of the inculcation of the 17 noble values among Malay Language teachers' teaching was higher compared to the teachings of teachers of History, English and Mathematics. Furthermore, students' perception of the methodology of noble values' inculcation in general in the teachings of the Malay Language and History teachers demonstrated higher level practice. Meanwhile, a moderately high level of practice was indicated in the teachings of the teachers of English and Mathematics. The students' perception of the techniques of the inculcation of noble values in general in teachers' teaching of Malay Language, History, English and Mathematics was shown moderately high. A moderately high level of students' internalization of the noble values was also found.

Pearson Correlation analysis findings demonstrated that there was a significant and positive relationship between students' perception of the frequency of the inculcation of the 17 noble values in the teachings of teachers of Malay Language, History, English and Mathematics with the students' internalization of noble values. The findings also established that there was a significant, positive relationship between the students' perception of the methodology of the inculcation of noble values for the indirect methodology dimension in the teachings of the Malay Language, History, English and Mathematics teachers with the internalization of noble values among students. As for the direct methodology dimension in the teaching, only the teachings of the Malay Language and History teachers were found to have positive, significant relationship with students' internalization of noble values. Moreover, the findings

revealed that the students' perception of the techniques of the inculcation of noble values for the example/model technique dimension in the teachings of Malay Language, History and English teachers had positive and significant relationship with students' internalization of noble values.

Multiple Regression Analysis found that only the students' perceptions of the frequency of the inculcation of 17 noble values in the teachings of teachers of History and Malay Language were predictors for the students' internalization of noble values.

In conclusion, the findings can serve as guidance for teachers on the importance of inculcating noble values in their teaching practice to ensure the enhancement of students' internalization of noble values. This research also establishes that the elements in the methodology and techniques of inculcating noble values in teachers' teaching are imperative to ensure that students' internalization of the values intensifies.

## **PENGHARGAAN**

Syukur Alhamdullilah, segala puji kepada Allah S.W.T dan selamat ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W kerana dengan berkat dan rahmat-Nya penulisan tesis ini berjaya disempurnakan. Saya berasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana diberi kekuatan, semangat dan kesabaran untuk saya menyiapkan tesis ini.

Pertamanya, rakaman penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada Prof. Madya Dr. Asmawati Suhid yang telah banyak memberi nasihat, bimbingan, teguran dan tunjuk ajar dalam menyiapkan tesis ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada Prof. Madya Dr. Abdullah Mat Rashid dan Prof. Madya Dr. Samsilah Roslan yang tidak jemu menyemak, menilai dan memberi cadangan kepada penambahbaikan penulisan tesis. Seterusnya ucapan terima kasih kepada semua pensyarah Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia yang banyak membantu sama ada secara langsung atau tidak langsung. Hanya Allah yang dapat membalas jasa kalian.

Jutaan terima kasih kepada pihak Universiti Utara Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang membiayai biasiswa penulis sepanjang tempoh pengajian dan penyelidikan ini. Penghargaan dan terima kasih penulis untuk keluarga tersayang, emak, ayah, kakak dan abang serta keluarga mertua yang tidak pernah jemu mendoakan dan memberi sokongan dalam memastikan kejayaan penulis. Tidak ketinggalan jutaan terima kasih buat isteri tercinta Siti Hasmani Mat Daud yang sering berdoa serta menyuntik semangat dan inspirasi untuk kejayaan penulis. Buat anak-anak tersayang Muhammad Amir Rushdi, Nur Amirah, Nur Anis Sofea, Ainul

Mardhiah dan Muhammad Al Amin terima kasih kerana kalian banyak menyuntik semangat ayah dalam menyiapkan tesis ini.

Akhirnya, tidak lupa penghargaan juga ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang saling berbahagi rasa suka dan duka sepanjang perjalanan meraih PhD. Sesungguhnya perjalanan ini menuntut kita semua mempelajari erti kesabaran dan persahabatan. Hanya Allah S.W.T yang mampu membala jasa, pengorbanan, pengertian dan doa individu-individu yang hadir dalam kehidupan penulis.

Ikhlas daripada,

**MOHAMAD KHAIRI BIN HAJI OTHMAN**

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 7 Februari 2013 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Mohamad Khairi bin Haji Othman untuk menilai tesis beliau yang bertajuk “Penerapan Nilai Murni dalam Pengajaran dan Hubungannya dengan Penghayatan Nilai Murni dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakarkan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut :

**Habsah binti Ismail, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Aminuddin bin Hassan, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

**Nur Surayyah Madhubala binti Abdullah, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

**Abdul Latif bin Hj. Samian, PhD**

Profesor

Pusat Pengajian Umum

Universiti Kebangsaan Malaysia

(Pemeriksa Luar)

---

**SEOW HENG FONG, Ph.D**

Profesor dan Timbalan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Asmawati binti Suhid, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Abdullah bin Mat Rashid, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Samsilah binti Roslan, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**BUJANG BIN KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## **PERAKUAN**

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.

---

**MOHAMAD KHAIRI BIN HAJI OTHMAN**

Tarikh: 7 Februari 2013



## ISI KANDUNGAN

	Halaman
<b>ABSTRAK</b>	ii
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>PENGHARGAAN</b>	viii
<b>PENGESAHAN</b>	x
<b>PERAKUAN</b>	xii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xvii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xx
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xxi
 <b>BAB</b>	
<b>1 PENGENALAN</b>	
Pendahuluan	1
Latar Belakang Kajian	
Falsafah Pendidikan Kebangsaan	2
Masalah Gejala Sosial Dalam Kalangan Remaja	5
Penghayatan dan Amalan Nilai Murni	7
Penerapan Nilai Murni Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	13
Pernyataan Masalah	16
Tujuan Kajian	18
Objektif Kajian	18
Persoalan Kajian	19
Kepentingan Kajian	20
Skop dan Batasan Kajian	22
Definisi Operasional	
Penghayatan Nilai Murni	25
Penerapan Nilai-nilai Murni	26
Kaedah Penerapan Nilai Murni	27
Teknik Penerapan Nilai Murni	28
Rumusan	29
<b>2 TINJAUAN LITERATUR</b>	
Pendahuluan	30
Definisi dan Konsep Nilai	30
Konsep dan Amalan Nilai-nilai Murni Merentas Kurikulum	33
Peranan Sekolah dan Guru dalam Penerapan Nilai Murni dan Penghayatan Nilai Murni pelajar	39
Kajian-kajian Berkaitan Penerapan Nilai Murni	47
Konsep Penghayatan Nilai Murni	57
Kajian-kajian Berkaitan Penghayatan Nilai Murni	61
Penerapan Nilai Murni dan Penghayatan Nilai Murni	65
Pendekatan Penanaman Nilai	68
Tinjauan Kajian Berkaitan Kekerapan Nilai Murni	73
Yang Diterap	

Tinjauan Kajian Berkaitan Kaedah Penerapan Nilai Murni	79
Kajian-kajian Berkaitan Teknik Penerapan Nilai Murni	83
Justifikasi Persepsi Pelajar Terhadap Penerapan Nilai Murni dalam Pengajaran Guru	89
<b>Latar Belakang Teoritikal</b>	
Pemikiran al-Ghazali	94
Teori Pembelajaran Sosial	99
Kerangka Teoritikal Kajian	101
Kerangka Konseptual Kajian	103
Rumusan	106
<b>3 METODOLOGI</b>	
Pendahuluan	107
Reka Bentuk Kajian	107
Populasi Kajian	109
Penentuan Saiz Sampel Kajian	110
Lokasi Kajian	112
Prosedur Persampelan Kajian	112
Instrumen Kajian	116
Soal Selidik	
Bahagian A : Demografi	117
Bahagian B : Penghayatan Nilai Murni	118
Bahagian C : Persepsi Pelajar Terhadap Penerapan Nilai Murni	
i) Persepsi Pelajar Terhadap Kekerapan Penerapan 17 Nilai Murni	120
ii) Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Penerapan Nilai Murni	122
iii) Persepsi Pelajar Terhadap Teknik Penerapan Nilai Murni	123
Temubual Separa Berstruktur Penghayatan Nilai Murni Pelajar	125
Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	125
Kesahan Instrumen Kajian	126
Kajian Rintis	128
Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	128
Prosedur Pengumpul Data	131
Penganalisisan Data	132
Analisis Penerokaan Data	133
Analisis Data Deskriptif	135
Analisis Data Inferensi	136
Analisis Data Temu bual Separa Berstruktur	138
Rumusan	140
<b>4 DAPATAN KAJIAN</b>	
Pendahuluan	141
Kadar Maklum Balas Soal Selidik	142
Maklumat Latar Belakang Responden	
Taburan Responden Mengikut Lokasi Sekolah	142

Taburan Responden Mengikut Aliran Pengajian	145
Taburan Responden Mengikut Jantina	147
<b>Objektif Pertama</b>	
Persepsi Pelajar Terhadap Kekerapan Penerapan 17 Nilai Murni dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu, Sejarah, Bahasa Inggeris dan Matematik.	150
<b>Objektif Kedua</b>	
Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Penerapan Nilai Murni dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu, Sejarah, Bahasa Inggeris dan Matematik.	153
<b>Objektif Ketiga</b>	
Persepsi Pelajar Terhadap Teknik Penerapan Nilai Murni dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu, Sejarah, Bahasa Inggeris dan Matematik.	156
<b>Objektif Keempat</b>	
Penghayatan Nilai Murni Pelajar	162
<b>Objektif Kelima</b>	
Hubungan Persepsi Pelajar Terhadap Kekerapan Penerapan 17 Nilai Murni dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu, Sejarah, Bahasa Inggeris dan Matematik dengan Penghayatan Nilai Murni Pelajar.	201
<b>Objektif Keenam</b>	
Hubungan Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Penerapan Nilai Murni dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu, Sejarah, Bahasa Inggeris dan Matematik dengan Penghayatan Nilai Murni Pelajar.	202
<b>Objektif Ketujuh</b>	
Hubungan Persepsi Pelajar Terhadap Teknik Penerapan Nilai Murni dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu, Sejarah, Bahasa Inggeris dan Matematik dengan Penghayatan Nilai Murni Pelajar.	207
<b>Objektif Kelapan</b>	
Pemboleh ubah-pemboleh ubah Yang Menjadi Peramal Kepada Penghayatan Nilai Murni Pelajar.	212
<b>Rumusan</b>	216
<b>5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	
Pendahuluan	217
Ringkasan Kajian	217
<b>Perbincangan Dapatan Kajian</b>	
Persepsi Pelajar Terhadap Kekerapan Penerapan 17 Nilai Murni dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu, Sejarah, Bahasa Inggeris dan Matematik.	219
Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Penerapan Nilai Murni dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu, Sejarah, Bahasa Inggeris dan Matematik.	223
Persepsi Pelajar Terhadap Teknik Penerapan Nilai Murni dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu, Sejarah, Bahasa Inggeris dan Matematik.	227

Penghayatan Nilai Murni Pelajar.	235
Hubungan Persepsi Pelajar Terhadap Kekerapan	245
Penerapan 17 Nilai Murni dalam Pengajaran Guru	
Bahasa Melayu, Sejarah, Bahasa Inggeris dan	
Matematik dengan Penghayatan Nilai Murni Pelajar.	
Hubungan Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah	250
Penerapan Nilai Murni dalam Pengajaran Guru	
Bahasa Melayu, Sejarah, Bahasa Inggeris dan	
Matematik dengan Penghayatan Nilai Murni Pelajar.	
Hubungan Persepsi Pelajar Terhadap Teknik	253
Penerapan Nilai Murni dalam Pengajaran Guru	
Bahasa Melayu, Sejarah, Bahasa Inggeris dan	
Matematik dengan Penghayatan Nilai Murni Pelajar.	
Pemboleh ubah-pemboleh ubah yang Menjadi	260
Peramal Utama Kepada Penghayatan Nilai Murni	
Pelajar.	
Kesimpulan	264
Implikasi	
Implikasi Kajian Terhadap Aspek Teori	265
Implikasi Kajian Terhadap Aspek Praktikal	268
Cadangan Kajian Lanjutan	273
Penutup	275
<b>BIBLIOGRAFI</b>	277
<b>LAMPIRAN</b>	304
<b>BIODATA PELAJAR</b>	378
<b>SENARAI PENERBITAN</b>	380